



Campak boleh membunuh bayi



Imunisasi dapat mengatasi campak daripada menyerang kanak-kanak.



Bayi dan pesakit HIV mudah dijangkiti campak kerana kekurangan antibodi.



Boleh menyebabkan radang paru-paru dan kematian, jangan pandang ringan.

90 peratus bayi di Malaysia dijangkiti demam campak atau nama saintifiknya *Rubeola* yang disebabkan oleh infeksi virus *Measles*.

Virus ini menyebabkan ruam di seluruh muka sebelum merebak ke seluruh badan selain demam, batuk, selesema, sakit otot dan mata kemerahan.

Jangan memandang remeh dengan jangkitan *Measles* kerana boleh menyebabkan *pneumonia* atau radang paru-paru, jangkitan otak, pekak, sawan dan menyerang bahagian penglihatan sehingga boleh menyebabkan buta, seterusnya membawa kepada kematian.

Campak turut dikenali *Morbili*, boleh berjangkit melalui cecair di bahagian tubuh, pernafasan atau udara seperti

batuk, bersin mahupun ketika sedang bercakap. Campak Jerman misalnya boleh dipindahkan daripada ibu sedang mengandung dari janinnya sehingga menyebabkan kelahiran pramatang dan kecacatan bayi.

Campak dapat dilihat dalam tempoh 10 hingga 12 hari selepas dijangkiti dalam kumpulan virus *morbillivirus* dan *paramyoviridae*, sebelum itu pesakit tidak mengalami sebarang gejala.

Tahap ke arah kritikal berlaku apabila pembentukan ruam bermula dengan mewujudkan perubahan warna dan permukaan kulit serta demam mencecah 40 darjah celsius bersama batuk tidak terhenti.

Ruam campak bermula dari belakang telinga, leher, muka, dada, tangan,

punggung, perut dan lengan kemudian akan merebak ke seluruh bahagian badan.

Imunisasi cegah campak

Campak mudah merebak pada orang lain dalam masa yang singkat dengan tidak menunjukkan sebarang tanda. Bagi mengidap HIV dan kanser tidak kira bayi, kanak-kanak mahupun orang dewasa, demam campak boleh membawa maut kerana kekurangan imunisasi badan.

Rawatan tidak formal, kita perlu meminum air yang banyak bagi mengurangkan kepanasan suhu badan manakala mencegah demam melalui

pengambilan ubat parasetamol, antibiotik dan vitamin A. Bagi bayi, penyusuan badan ibu dapat menghindari campak selain turut memanjangkan tempoh daya tahan.

Bagi masyarakat kampung, pesakit campak dirawat dengan menggunakan air kelapa sama ada meminumnya atau membasahkan tubuh, selain 'berpantang' dari silau cahaya kerana memberi komplikasi terhadap mata.

Demam campak juga akan meninggalkan tanda hitam, bagi orang tua dahulu kala mereka menghilangnya dengan menyapu beberapa daun semambu yang digiling pada parut dan dibiarkan kering. Daun berkenaan turut direbus sebelum diminum untuk mengatasi gatal-gatal.

Campak 'serang' bayi sahaja

Dr Fatimah Mohamad dari Poliklinik An-Nisa Puncak Alam, Kuala Selangor mengategorikan demam campak dua kategori, iaitu Measles, campak untuk bayi dan kanak-kanak serta Rubeola yang disebabkan oleh virus Rubella.

Campak jarang berlaku bagi orang dewasa kerana kebiasaan pada usia setahun diberikan imunisasi daya tahan badan - dikenali vaksin tiga dalam satu yang turut berperanan mencegah penyakit bawaan virus Rubella, Measles dan Mumps atau Begok – kebiasaan menyerang kelenjar air liur.

Beliau berkata, Campak Measles menyebabkan demam dan selesema serta batuk yang mengambil masa dua hari untuk sembuh, sekiranya berlarutan sehingga empat hari, ia dikategorikan Campak Rubeola.



“Jika batuk dibiarkan berterusan boleh menyebabkan penyakit peneumonia atau radang paru-paru, maka imunisasi dengan kadar segera amat perlu.

“Namun jika vaksin suntikan tidak lagi efektif atau berkesan, ini menunjukkan seseorang tidak mempunyai antibodi

berkemungkinan berisiko tinggi dihindangi campak,” katanya.

Menurutnya, campak boleh membawa kematian sekiranya dibiarkan berterusan kerana menyerang radang otak dan paru-paru.

Dr Fatimah memberitahu campak dan 'chickenpox' berbeza kerana virus ini boleh menghinggapi orang dewasa dan kanak-kanak. Jangkitan dari virus mengakibatkan demam selama dua hari sebelum muncul bintik-bintik berisi air dan tompok-tompok merah.

INFLU

1. Pada 1960-an, sejuta kanak-kanak di seluruh dunia mati kerana vaksin belum ditemui.
2. Vaksin vaksin beguk (mumps) dan rubella dipanggil MMR.
3. Dua dos imunisasi MMR diberikan ketika bayi berusia setahun, dos tambahan tujuh dan 12 tahun.
4. Ibu bapa tidak menyuntik MMR di paha dan lengan semasa bayi berusia 12 bulan didedahkan ancaman campak lebih teruk.
5. Vaksin campak terdiri daripada virus campak hidup yang dilemahkan dan dikulturkan di dalam embrio anak ayam untuk merangsang tubuh bagi antibodi.
6. Campak boleh mengundang maut jika komplikasi dari 'subacute sclerosing pan-encephalitis' menyerang secara mengejut selain menyebabkan kerosakan otak kekal dan koma. Tidak boleh dirawat, pengambilan imunisasi penting sebagai pencegahan.

Rujukan disesuaikan dari <http://abimuslih.wordpress.com>; <http://gemini26576.tripod.com>; <http://www.tanyadokteranda.com>



Campak Jerman boleh menyerang seluruh badan.



Peringkat awal.



Campak merebak jika tidak diberi imunisasi pada peringkat awal.